



# ANGKATAN KOPERASI KEBANGSAAN MALAYSIA BERHAD

انكاساتن كوفراسي كينغسان مليسيا برسد

(National Co-operative Organisation of Malaysia)

Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) adalah koperasi apex yang diiktiraf oleh kerajaan sebagai badan yang mewakili Pergerakan Koperasi Malaysia pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Kami menyediakan program pelajaran kepada anggota-anggota koperasi disamping menyediakan khidmat keusahawanan dan perkhidmatan potongan gaji kepada kakitangan kerajaan untuk tujuan koperasi, kelab, kesatuan dan syarikat berkepentingan kerajaan.

Sekiranya anda seorang yang berdedikasi, bermotivasi tinggi dan inginkan persekitaran kerja yang stabil dan berdaya-saing, anda dipelawa menyertai kami dengan mengisi kekosongan jawatan di Ibu Pejabat dan Cawangan kami seperti berikut :

## 1. KETUA UNIT KOMPUTER (*Ibu Pejabat*)

### Kelayakan dan Pengalaman

- Sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
- Berpengalaman bekerja selama 7 tahun sebagai pentadbir dalam peringkat pengurusan operasi organisasi termasuk pengurusan kakitangan.
- Berpengalaman bekerja dengan koperasi atau institusi lain yang terdedah kepada pinjaman dan potongan gaji.
- Berpengetahuan luas dalam bidang aplikasi komputer dan pengurusan projek serta potongan gaji.
- Berkebolehan dalam menyelia Unit dan mempunyai daya kepimpinan yang tinggi serta mengetahui mengenai koperasi.
- Fasih dan boleh berkomunikasi secara efektif dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris.

### Bidang Tugas

- Bertanggungjawab dalam segala aspek pengurusan dan pentadbiran Unit Komputer.

## 2. PEGAWAI PERHUBUNGAN PERUSAHAAN DAN LATIHAN (*Ibu Pejabat*)

### Kelayakan dan Pengalaman

- Sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Sumber Manusia / Pengurusan Personal / Perhubungan Perusahaan dari institusi yang diiktiraf setaraf dengannya.
- Berpengalaman bekerja 3 tahun dalam pengurusan sumber manusia khususnya perhubungan perusahaan dan disiplin kakitangan termasuk siasatan dalaman.
- Berpengetahuan dalam Akta Kerja 1955, Akta Perhubungan Perusahaan, Akta Kesatuan Sekerja dan lain-lain Akta yang berkaitan.
- Mempunyai pengalaman dalam pengurusan latihan kakitangan adalah satu kelebihan.

### Bidang Tugas

- Menyedia dan melaksanakan dalam segala aspek perhubungan perusahaan dan pengurusan disiplin mengikut spesifikasi yang ditetapkan.

## 3. PEGAWAI PERANCANGAN, PERJAWATAN DAN PENGGAJIAN (*Ibu Pejabat*)

### Kelayakan dan Pengalaman

- Sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Sumber Manusia / Pengurusan Personal dari institusi yang diiktiraf setaraf dengannya.
- Berpengalaman bekerja 3 tahun dalam pengurusan sumber manusia khususnya urusan perjawatan, penggajian dan faedah.
- Berpengetahuan dalam Akta Kerja 1955, Akta Perhubungan Perusahaan, Akta Kesatuan Sekerja dan lain-lain Akta yang berkaitan.



# ANGKATAN KOPERASI KEBANGSAAN MALAYSIA BERHAD

انكاتن كوبراسي كينغسان مليسيا برحد

(National Co-operative Organisation of Malaysia)

## **Bidang Tugas**

- Menyedia dan melaksanakan dalam segala aspek perancangan, perjawatan dan penggajian mengikut spesifikasi yang ditetapkan.

## **4. PENOLONG PEGAWAI PROJEK KHAS (AIRCOND) (*Ibu Pejabat*)**

### **Kelayakan dan Pengalaman**

- Sekurang-kurangnya Diploma Mekanikal atau kelayakan berkaitan dengan jawatan dan diiktiraf setaraf dengannya.
- Berpengalaman bekerja 2 tahun dalam bidang yang berkaitan.

### **Bidang Tugas**

- Menyediakan khidmat sokongan dan selenggara dalam program usahawan (aircond).

## **5. PENOLONG PEGAWAI KERJA (*Ibu Pejabat*)**

### **Kelayakan dan Pengalaman**

- Sekurang-kurangnya STPM / SPM / SPMV atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya dan kepujian dalam Perakaunan dan Bahasa Malaysia termasuk lulus ujian lisan.
- Pengalaman bekerja 3 tahun sebagai Penyelia atau Penyelaras kepada Kerani.
- Berkemahiran dalam penggunaan komputer adalah satu kemestian.

### **Bidang Tugas**

- Membantu menyelesaikan masalah potongan gaji pelanggan Biro Perkhidmatan ANGKASA (BPA).

## **6. PENOLONG PEGAWAI PENGURUSAN ACARA (*Ibu Pejabat*)**

### **Kelayakan dan Pengalaman**

- Sekurang-kurangnya STPM / SPM / SPMV atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya dan kepujian dalam Bahasa Malaysia termasuk lulus ujian lisan.
- Pengalaman bekerja 3 tahun sebagai Penyelia atau Penyelaras kepada Kerani.
- Berkemahiran dalam penggunaan komputer adalah satu kemestian.

### **Bidang Tugas**

- Membantu melaksanakan program-program usahawan yang dirancang seperti majlis-majlis penerangan, perbincangan, bengkel dan seminar anjuran ANGKASA.

## **7. KERANI (*Ibu Pejabat, Cawangan Sabah & Sarawak*)**

### **Kelayakan dan Pengalaman**

- Sekurang-kurangnya SPM / SPMV atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
- Berpengalaman dalam penggunaan komputer.

### **Bidang Tugas**

- **Unit Sumber Manusia** – Menyedia laporan siasatan dalaman dan disiplin kakitangan.
- **BPA** – Menjalankan tugas-tugas potongan gaji pelanggan Biro Perkhidmatan ANGKASA (BPA).



## ANGKATAN KOPERASI KEBANGSAAN MALAYSIA BERHAD

انكاتن كوقراسي كينغسان مليسيا برهاد

(National Co-operative Organisation of Malaysia)

### 8. PEMBANTU AM (*Cawangan Sabah*)

#### Kelayakan dan Pengalaman

- Sekurang-kurangnya SRP / PMR dengan kepujian dalam Bahasa Malaysia atau setaraf dengannya.

#### Bidang Tugas

- Mengemaskini rekod penyimpanan fail dan menyimpan dokumen berkaitan ke dalam fail serta mengurus dan mengedar surat / pekeliling / dokumen.

Individu yang berkelayakan dipelawa memohon dengan mengemukakan surat permohonan berserta butiran peribadi terperinci (resume/cv) yang mengandungi maklumat kelayakan akademik, pengalaman, kemahiran, kualiti personal, gaji semasa, gaji dipohon serta salinan sijil-sijil akademik / berkaitan dan gambar terbaru berukuran pasport kepada :

#### **Pengurus Umum**

**ANGKATAN KOPERASI KEBANGSAAN MALAYSIA BERHAD**  
Peti Surat 8797, Pejabat Pos Kelana Jaya, 46798 Petaling Jaya, Selangor  
atau e-mel : [sumber@angkasa.coop](mailto:sumber@angkasa.coop)

**selewat-lewatnya pada 5 Mei 2009**

Hanya pemohon yang disenarai pendek sahaja akan dipanggil untuk temu duga.



# ANGKATAN KOPERASI KEBANGSAAN MALAYSIA BERHAD

انكساتن كوبراسي كينغسان مليسيا برسد

(National Co-operative Organisation of Malaysia)

Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) adalah koperasi apex yang diiktiraf oleh kerajaan sebagai badan yang mewakili Pergerakan Koperasi Malaysia pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Kami menyediakan program pelajaran kepada anggota-anggota koperasi disamping menyediakan khidmat keusahawanan dan perkhidmatan potongan gaji kepada kakitangan kerajaan untuk tujuan koperasi, kelab, kesatuan dan syarikat berkepentingan kerajaan.

Sekiranya anda seorang yang berdedikasi, bermotivasi tinggi dan inginkan persekitaran kerja yang stabil dan berdaya-saing, anda dipelawa menyertai kami dengan mengisi kekosongan jawatan di **Cawangan Sabah** seperti berikut :

## 1. KERANI

### Kelayakan dan Pengalaman

- Sekurang-kurangnya SPM / SPMV atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
- Berpengalaman dalam penggunaan komputer.

### Bidang Tugas

- Menjalankan tugas-tugas potongan gaji pelanggan Biro Perkhidmatan ANGKASA (BPA).

## 2. PEMBANTU AM

### Kelayakan dan Pengalaman

- Sekurang-kurangnya SRP / PMR dengan kepujian dalam Bahasa Malaysia atau setaraf dengannya.

### Bidang Tugas

- Mengemaskini rekod penyimpanan fail dan menyimpan dokumen berkaitan ke dalam fail serta mengurus dan mengedat surat / pekeliling / dokumen.

Individu yang berkelayakan dipelawa memohon dengan mengemukakan surat permohonan berserta butiran peribadi terperinci (resume/cv) yang mengandungi maklumat kelayakan akademik, pengalaman, kemahiran, kualiti personal, gaji semasa, gaji dipohon serta salinan sijil-sijil akademik / berkaitan dan gambar terbaru berukuran pasport kepada :

**Pengurus Umum**  
**ANGKATAN KOPERASI KEBANGSAAN MALAYSIA BERHAD**  
Peti Surat 8797, Pejabat Pos Kelana Jaya, 46798 Petaling Jaya, Selangor  
atau e-mel : [sumber@angkasa.coop](mailto:sumber@angkasa.coop)

**selewat-lewatnya pada 5 Mei 2009**

Hanya pemohon yang disenarai pendek sahaja akan dipanggil untuk temu duga.



# ANGKATAN KOPERASI KEBANGSAAN MALAYSIA BERHAD

انكساتن كوبراسي كينغسان مليسيا برهاد

(National Co-operative Organisation of Malaysia)

Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) adalah koperasi apex yang diiktiraf oleh kerajaan sebagai badan yang mewakili Pergerakan Koperasi Malaysia pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Kami menyediakan program pelajaran kepada anggota-anggota koperasi disamping menyediakan khidmat keusahawanan dan perkhidmatan potongan gaji kepada kakitangan kerajaan untuk tujuan koperasi, kelab, kesatuan dan syarikat berkepentingan kerajaan.

Sekiranya anda seorang yang berdedikasi, bermotivasi tinggi dan inginkan persekitaran kerja yang stabil dan berdaya-saing, anda dipelawa menyertai kami dengan mengisi kekosongan jawatan di **Cawangan Sarawak** seperti berikut :

## 1. KERANI

### Kelayakan dan Pengalaman

- Sekurang-kurangnya SPM / SPMV atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
- Berpengalaman dalam penggunaan komputer.

### Bidang Tugas

- Menjalankan tugas-tugas potongan gaji pelanggan Biro Perkhidmatan ANGKASA (BPA).

Individu yang berkelayakan dipelawa memohon dengan mengemukakan surat permohonan berserta butiran peribadi terperinci (resume/cv) yang mengandungi maklumat kelayakan akademik, pengalaman, kemahiran, kualiti personal, gaji semasa, gaji dipohon serta salinan sijil-sijil akademik / berkaitan dan gambar terbaru berukuran pasport kepada :

**Pengurus Umum**

**ANGKATAN KOPERASI KEBANGSAAN MALAYSIA BERHAD**  
Peti Surat 8797, Pejabat Pos Kelana Jaya, 46798 Petaling Jaya, Selangor  
atau e-mel : [sumber@angkasa.coop](mailto:sumber@angkasa.coop)

**selewat-lewatnya pada 5 Mei 2009**

Hanya pemohon yang disenarai pendek sahaja akan dipanggil untuk temu duga.